

Kerajaan nafi tanah Bukit Nanas dijual kepada China

KUALA LUMPUR - Satu dakwaan yang tular di laman sosial kononnya tanah Hutan Simpan Bukit Nanas di sini diberi kepada syarikat China melalui firma Malaysia Development Berhad (IMDB) disifatkan sebagai tidak berasas.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, hutan simpan berkeluasan kira-kira 9.3 hektar yang dijadikan nadi hijau Kuala Lumpur itu masih kekal.

Bagaimanapun, katanya, kawasan sekeliling hutan

simpan berkenaan mempunyai tanah persendirian yang boleh dimajukan untuk pelbagai tujuan pembangunan.

"Hasil semakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati, 16 hak milik tanah di sekitar hutan simpan ini dipindah milik pada 29 September tahun lalu daripada City Centre Sdn. Bhd. kepada Malola Garden City Sdn. Bhd. (MGCSB).

"Kita ingin tegaskan pemilikan tanah hutan simpan ini tidak pernah diberi kepada mana-mana pihak.



NRE menafikan berita tular kononnya tanah Hutan Simpan Bukit Nanas bakal diserahkan kepada China. - Gambar hiasan

"Tanah yang dimaksudkan mungkin merujuk kepada kawasan mi-

lik persendirian sekitar kawasan hutan simpan tersebut," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Beliau mengulas dakwaan aktivis yang juga ahli seumur hidup Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Datuk Seri Zaiena Abidin Omar menerusi akaun Facebook pada 30 Januari lalu kononnya Hutan Simpan Bukit Nanas bakal diberikan kepada China menerusi anak syarikat IMDB.

Wan Junaidi berkata, setakat ini pihaknya hanya menerima cadangan MGCSB untuk menaik taraf galeri interaktif Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Nanas.

Katanya, usaha sama awam dan swasta memabitkan nilai peruntukan pembinaan bangunan baharu bernilai RM20 juta atas tapak galeri itu akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat MGCSB.

"Menerusi kerjasama ini, MGCSB memohon untuk menggunakan sebahagian daripada bangunan yang akan dibina nanti sebagai pejabat pemasaran untuk 10 tahun tetapi perkara itu masih dalam perbincangan," katanya.